

DILULUSKAN UNTUK SEBUT HARGA OLEH:



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

*[Signature]*  
AFENDI BIN OSMAN  
Ketua Unit Kontrak Dan Perolehan  
Seksyen Projek Dan Penyenggaraan  
Bahagian Pengurusan Aset  
Naib Canselor (Pembangunan)  
Universiti Teknologi Malaysia  
81300 Johor Bahru, Johor

## NASKAH MEJA SEBUT HARGA

SH/2023-28/U-1/SB/SPP

**MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYUSUN  
ATUR PERABOT BERASASKAN FABRIK 2023  
DI BANGUNAN AKADEMIK, BANGUNAN  
SOKONGAN DAN RUMAH FELO UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU,  
JOHOR**

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN  
TAPAK :

WAJIB :

TIDAK WAJIB

TARIKH JUALAN : 20 AUG 2023

HINGGA : 05 SEP 2023

TARIKH TUTUP : 07 SEP 2023

PENYELARAS PROJEK : PN. WAN NUR AZLINA BINTI CHOLAN  
(no. tel. : 011-2123 5660)

PENOLONG JURUUKUR BAHAN KANAN  
BERTANGGUNGJAWAB : PN. NORHAYATI BINTI KHIDIR  
(no. tel. : 07-5530326)

### PAKEJ KERJA

SENIBINA  ELEKTRIKAL  MEKANIKAL  AWAM  PERABOT

Ruj. Kami : UTM.J.17.03.04.01/16.11/317 ( 2 )  
Tarikh : 20 Ogos, 2023

Kepada,

**Penyebut Harga**

Tuan,

**SEBUT HARGA BAGI : MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYUSUN ATUR PERABOT BERASASKAN FABRIK 2023 DI BANGUNAN AKADEMIK, BANGUNAN SOKONGAN DAN RUMAH FELO UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

Sebut harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan\* dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut:-

- i) ~~Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)~~
- ii) ~~Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)~~  
Gred : -  
Kategori :  
Pengkhususan :
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) Sijil Kementerian Kewangan : **Kontrak Panel Berpusat (Panel Fabrik) atau 0201001 @ 020199**

2. Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SH/2023-28/U-1/SB/SPP** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** sebelum atau pada 07 SEP 2023 jam 12.00 tengah hari.

3. Kenyataan Sebut Harga, Senarai Semakan Sebut Harga, Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Jadual Kadar Harga, Maklumat Penyebut Harga dan Lukisan dikembarkan bersama-sama ini.

4. Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM30.00/naskah** *(dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draf)*

5. Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

"MALAYISA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**AFENDI BIN OSMAN**

Ketua Unit Kontrak dan Perolehan

b.p : Pengarah Seksyen Projek dan Penyenggaraan

Bahagian Pengurusan Aset

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

☎ 07-553 1201

✉ afendiosman@utm.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIP/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut :-

~~i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)~~

~~ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)~~

Gred :

Kategori :

Pengkhususan :

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*

iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)

v) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan : **Kontrak Panel Berpusat (Panel Fabrik) atau 0201001 @ 020199**

dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

**MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYUSUN ATUR PERABOT BERASASKAN FABRIK 2023 DI BANGUNAN AKADEMIK, BANGUNAN SOKONGAN DAN RUMAH FELO UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

**SH/2023-28/U-1/SB/SPP**

2. Segala butiran dan Naskah Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** dengan mengemukakan bayaran dokumentasi sebanyak **RM30.00** di atas nama **Bendahari, UTM Johor Bahru, Johor** dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draft.

3. Naskah Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Wakil-wakil Penyebut Harga yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran sahaja. Bagi Wakil-wakil Penyebut harga yang namanya tidak terdapat dalam Surat Pendaftaran hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Penyebut Harga/Wakil-wakil Penyebut Harga yang sah hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh LPIP/CIDB, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR atau Kementerian Kewangan dan UTMfin (yang mana berkaitan)

4. Naskah Sebut Harga boleh diperolehi pada 20 AUG 2023 hingga 05 SEP 2023 mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di **Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor**. Naskah meja sebut harga juga boleh diperolehi secara atas talian menerusi pautan yang disediakan di akaun 'Facebook' rasmi Seksyen Projek dan Penyenggaraan dan lama sesawang rasmi <https://assets.utm.my>.

5. Sebut harga ini akan ditutup pada 07 SEP 2023. Naskah Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.